

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PEMAKLUMAN GERHANA BULAN SEPARA DAN PERLAKSANAAN SOLAT SUNAT GERHANA BULAN

Sebuah hadis dari Mughirah Bin Syu'bah r.a, Nabi Muhammad S.A.W bersabda :

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ لَا يَنْكَسِفَانِ لِمَوْتِ أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ،
فَإِذَا رَأَيْتُمْ فَصَلُّوا، وَادْعُوا اللَّهَ.

Bermaksud : “ Sesungguhnya Matahari dan Bulan tidak gerhana kerana matinya atau hidupnya seseorang. Maka apabila kamu melihatnya, solat dan berdoalah kepada Allah.”
(Riwayat Imam Bukhari)

Pihak Jabatan Mufti Negeri Perak ingin memaklumkan bahawa **Gerhana Bulan Separa** akan berlaku tarikh **14 Rabiul Akhir 1445 H bersamaan 29 Oktober 2023 M (Ahad)** pada waktu seperti butiran berikut :

Permulaan Fasa Penumbra : 2.01 am
Permulaan Fasa Umbra : 3.35 am
Kemuncak Fasa Separa : 4.14 am
Tamat Fasa Umbra : 4.52 am
Tamat Fasa Penumbra : 6.26 am*

Tempoh Berlaku Gerhana : 4 jam 25 minit
Peratus Gerhana : 6 %.

* Hitungan waktu berdasarkan lokasi Ipoh.

Gerhana kali ini dijangka boleh kelihatan di seluruh Benua Asia, Afrika dan Eropah. Namun oleh kerana peratus bulan yang memasuki bayang bumi hanya 6 peratus maka hanya sedikit saja permukaan bulan akan kelihatan gelap ketika kemuncaknya. Bulan tidak akan kelihatan merah kehitaman.

Sehubungan dengan itu, umat Islam khususnya di negeri Perak disarankan untuk melaksanakan **Solat Sunat Gerhana Bulan bermula jam 3.35 am hingga 4.52 am disamping turut mencerap kejadian gerhana bulan** yang merupakan sebahagian dari tanda-tanda kebesaran Allah S.W.T.

Untuk maklumat lanjut mengenai **kaedah solat sunat gerhana dan khutbah**, bolehlah merujuk ke **fb dan laman web Jabatan Mufti Negeri Perak**.

Disediakan Oleh :

**Bahagian Falak,
Jabatan Mufti Negeri Perak.**